



08 APR, 2024

## Kebakaran kabel: Peguam kritik SESB, Jabatan Air



Harian Ekspres (KK), Malaysia

Page 1 of 2

# Kebakaran kabel: Peguam kritik SESB, Jabatan Air

**KOTA KINABALU:** Peguam Chin Tek Ming dari Parti Warisan mengecam Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) dan Jabatan Air Negeri kerana cuai sehingga mengakibatkan kebakaran di sebuah gudang kabel di Inanam.

Kebakaran itu memusnahkan kabel bernilai sekitar RM40 juta menurut laporan.

Chin mendakwa kebakaran itu bukan sahaja menyebabkan kerugian ekonomi yang signifikan tetapi juga boleh menjaskan bekalan kuasa negeri, sehingga menyusahkan rakyat.

Beliau mempersoalkan mengapa SESB dan Jabatan Air Negeri tidak mengambil langkah pencegahan yang perlu bagi mengelak kebakaran seumpama itu.

"Menurut laporan, ketika kebakaran berlaku, anggota bomba pada mulanya menggunakan pili bomba, namun bekalan air hanya bertahan selama 40 minit sebelum kering menyebabkan mereka terpaksa mengepam air dari Sungai Menggatal yang jaraknya 1.2km," katanya dalam kenyataan sambil memuji kerja keras anggota bomba.

Beliau mendakwa ini menunjukkan kecuaian serius dalam keselamatan kebakaran oleh SESB dan Jabatan Air Negeri.

Sehubungan itu, beliau menuntut siasatan menyeluruh oleh SESB, yang mana Pengurusnya Datuk Seri Madius Tangau, bagi mengenai punca kebakaran dan

kenapa langkah pencegahan yang perlu tidak diambil.

Beliau juga menuntut hasil siasatan didekahkan kepada umum kerana orang ramai, yang merupakan pembayar cukai, berhak mengetahuinya.

Chin mencadangkan agar SESB menyaman Jabatan Air Negeri dan mendapatkan pampasan kerana kekurangan air menghalang usaha memadam kebakaran, mengakibatkan kerugian aset yang besar.

Beliau berkata penjelasan juga wajar diberikan oleh Timbalan Ketua Menteri merangkap Menteri Kerja Raya Datuk Sharmey Yahya, yang sebelum ini mendakwa isu bekalan air di negeri ini belum mencapai tahap kritis.